

Lima cadangan untuk Bajet 2017

Pergetah mahu harga getah dinaikkan, mahu diberi perhatian oleh perdana menteri

BALING - Persatuan Pengusaha dan Penoreh Getah Negeri Kedah (Pergetah) menggariskan lima cadangan menaikkan harga getah yang perlu diberi perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak bagi pembentangan bajet bulan ini.

Pengerusinya, Mohd Taufik Yaacob berkata, cadangan pertama adalah mempercepatkan proses pembinaan Bandar Raya Getah di Kedah.

Menurutnya, pembinaan Bandar Raya Getah akan membantu melonjakkan pasaran harga getah negara tanpa bergantung kepada dunia.

"Bandar Raya Getah ini sudah lama dijanjikan, jadi saya harap dalam bajet kali ini ada pengumuman khas berkenaan pembinaan bandar raya

tersebut," katanya di Pejabat Pergetah di sini, semalam.

Beliau berkata, Pergetah juga berharap pelaksanaan jalan raya getah yang dicadangkan oleh kerajaan turut dimasukkan ke dalam bajet bulan ini.

"Jika getah dijadikan bahan campuran dalam tar, ia akan membuatkan jalan tersebut lebih tahan lama dan berkualiti, permintaan getah akan bertambah serta menaikkan harga getah.

"Cadangan ketiga, Pergetah minta kerajaan umum dalam bajet elaun bulanan seperti yang diterima nelayan diberi kepada seluruh penoreh, lebih-lebih lagi dalam musim tengkujuh," katanya.

Mohd Taufik berkata, pemberian elaun bulanan adalah relevan memandangkan harga getah masih di paras



Mohd Taufik Yaacob (empat, kanan) bergambar bersama pegawai Sirim dan penduduk selepas memantau progres Perintis Tangki Ikan Sirim-Pergetah di Kampung Bechah Tok Bulan, Dalam Wang, Mukim Siong, semalam,

rendah.

"Sudahlah harga getah masih belum pulih, penoreh pula dilanda musim tengkujuh yang menyebabkan pendapatan mereka lebih

terjejas," katanya.

Terdahulu, Pergetah bersama-sama Institut Piawai dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Sirim) turun padang memantau progres Perintis

Tangki Ikan Sirim-Pergetah di Kampung Bechah Tok Bulan, Dalam Wang, Mukim Siong.

Tambahnya, penetapan harga lantai juga perlu diambil kira oleh perdana menteri.

"Harga lantai perlu diwujudkan kerana jika kita biar harga pasaran ditentukan oleh kilang, pihak tersebut tidak sewenang-wenang memonopoli harga getah.

"Pergetah cadang kerajaan laksanakan harga lantai RM3 hingga RM3.50 bagi sekilogram hasil getah," katanya.

Bagi cadangan terakhir katanya, bantuan tanaman semula oleh Risda dimasukkan juga ke dalam bajet kali ini.

"Pergetah minta bantuan tanaman semula dibuat semula untuk menggalakkan orang kampung menanam getah, inilah hasil utama orang kampung.

"Bantuan ini sudah dihentikan pada awal tahun ini, jadi perdana menteri perlu memasukkan semula untuk beri bantuan kepada pekebun dan penoreh," katanya.